

Mahathir: Kuasa politik Melayu mesti dikekal

MACHANG 15 Jun — Kuasa politik yang ada di tangan orang-orang Melayu sekarang hendaklah dikekalkan bagi memelihara maruah dan

menjamin kejayaan cita-cita kerajaan memperbaiki taraf hidup masyarakat Melayu, kata Doktor Mahathir Mohamed.

"Sekiranya orang-orang Melayu yang telahpun kehilangan kuasa ekonomi juga REELA menghilangkan kuasa politiknya maka sudah tentu mereka akan menghadapi kehancuran dalam negara mereka sendiri," katanya.

Berucap kepada lebih 400 orang wakil cawangan UMNO Bahagian Machang di Dewan Sekolah Hamzah di sini malam tadi beliau menasihatkan ahli-ahli UMNO supaya mengekalkan sikap ber-

disiplin dan bersatu padu untuk menjamin keutuhan parti yang kelak akan menjamin kekuasaan politik masyarakat Melayu.

Kesal

Doktor Mahathir juga anggota Majlis Kerja Tertinggi UMNO Malaysia menyatakan bahawa bilangan orang-orang Melayu sekarang sudah cukup untuk terus memegang kuasa politik sekiranya mereka berpegang teguh kepada dua faktor ini.

Bagaimanapun beliau menyatakan rasa kesalnya terhadap sikap setengah-setengah pemimpin-pe-

mimpin UMNO yang bongkak memperjuangkan kepentingan diri sendiri tanpa memperdulikan masalah yang dihadapi rakyat.

Doktor Mahathir mengingatkan rakyat agar jangan terpedaya dengan tokoh-tokoh seumpama ini sekali pun mereka mempunyai pendidikan dan pengalaman yang tinggi.

Menurut beliau ada terdapat orang-orang lama yang tidak berpelajaran tinggi dalam UMNO tetapi amat berpengaruh kepada rakyat dan golongan ini tidaklah boleh diabaikan kerana khidmat mereka kepada parti sangatlah besar ertinya.